

## **KEBERKESANAN PENULISAN REFLEKSI TERHADAP SISWA GURU**

### *The Effectiveness of The Writing of Reflections on Teacher Trainees*

Norliza Jaafar

Lee Phaik Gaik, PhD

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

[norliza@ipgkik.edu.my](mailto:norliza@ipgkik.edu.my)

#### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk meninjau pelaksanaan sejauh mana penulisan refleksi dapat membantu mempertingkatkan metakognitif siswa guru untuk membuat refleksi dalam kehidupan dan kerjayanya. Kajian ini menggunakan kaedah Consensual Qualitative Investigation data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur. Kajian dijalankan dalam dua fasa iaitu satu bengkel penulisan refleksi diadakan kepada siswa guru selama dua jam tentang definisi, proses, model, dan alat refleksi. Manakala, fasa 2 adalah menemu bual 18 siswa guru, setelah siswa guru melaksanakan penulisan refleksi dalam tugasan yang diberi. Tema utama yang terhasil melalui analisis data iaitu penilaian sendiri, regulasi sendiri dan tema ketiga ialah keterampilan dan nilai sendiri. Data temu bual menunjukkan penilaian sendiri membantu siswa guru sedar tentang kekuatan dan kelemahan sendiri dan seterusnya dapat membantu mereka dalam menguasai sesuatu kemahiran. Siswa guru bersetuju bahawa penulisan refleksi membantu mereka dalam regulasi sendiri. Regulasi sendiri ini merupakan keupayaan siswa guru mengurus emosi intrinsik, gerak hati dan sumber-sumber luaran yang mempengaruhi emosi mereka. Dapatan kajian menunjukkan penulisan refleksi dapat membantu siswa guru dalam pembentukan keterampilan dan nilai sendiri. Dalam hal yang demikian, siswa guru dapat memikirkan masalah yang dihadapi melalui pemikiran secara reflektif dan berpotensi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Maka, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penulisan refleksi dapat memperkembang keterampilan dan nilai sendiri siswa guru dan akhirnya mempertingkatkan profesionalisme keguruan mereka.*

*Kata kunci:* refleksi, penilaian sendiri, regulasi sendiri, keterampilan, profesionalisme

#### **ABSTRACT**

*The aim of this study is to examine the extent to which the writing of reflections can help improve teacher trainees' meta-cognitive ability or skill to reflect on their lives and careers. The study used the Consensual Qualitative Investigation and data was collected through structured interviews. The study was conducted in two phases, beginning with a two-hour reflection writing workshop on definitions, processes, models and reflection tools. In phase two, an interview session was held with 18 teacher trainees after they had completed the reflective writing assignment. The three main themes generated through data analysis were self evaluation, self regulation as well as disposition and value. The findings reveal that self-assessment helps teacher trainees discover their strengths and weaknesses thus helping them master certain skills. The teacher trainees agreed that the writing of reflections helped them in self-regulation. Self-regulation allowed the students to manage their intrinsic emotions, impulses and external factors that influence their emotions. The findings also showed that the writing of reflections helped in developing their self-esteem. It made the teacher trainees reflect on their problems and come up with possible solutions to solve those problems. Thus, the findings show that the writing of reflections can develop the teacher trainees disposition and self-value besides enhancing their teaching professionalism.*

*Keywords:* reflection, self-assessment, self-regulation, disposition, professionalism

## PENGENALAN

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas bertanggungjawab melatih guru untuk ditempatkan di sekolah rendah di seluruh Malaysia. Ini bermakna, latihan perguruan yang komprehensif dan berstruktur, amat signifikan dalam membangunkan profesionalisme keguruan siswa guru. Kehidupan pada abad ke-21 menuntut siswa guru menguasai amalan penulisan refleksi dalam kehidupan harian dan pembelajaran agar mereka sukses sebagai guru yang efisien kelak. Penulisan refleksi merupakan proses merenung, menganalisis masalah, mencari alasan, cadangan dan tindakan untuk memperbaiki diri dan menyelesaikan masalah dengan bijaksana (Schmidt & Adkins, 2012).

Maka, pengaplikasian penulisan refleksi tidak dapat dipisahkan dalam bidang perguruan. Ini kerana, seorang guru perlu sentiasa membuat refleksi proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan bagi memperbaiki prestasi pengajaran mereka khususnya bagi siswa guru yang baru bertatih untuk mengajar. Penguasaan kemahiran menulis refleksi ini menonjolkan keterampilan dan nilai sendiri siswa guru khususnya domain tabiat minda (*habit of minds*) kerana melibatkan proses berfikir secara aktif. Dalam pembangunan kognitif siswa guru, penulisan refleksi ini merupakan asas pembelajaran transformatif. Dalam pembangunan kognitif individu, refleksi kritikal dan dialog merupakan asas pembelajaran transformatif (Mezirow, 2014). Tuntutan ini menggerakkan pengkaji melaksanakan Bengkel Penulisan Refleksi kepada siswa guru semester 2 pada 6 Mac 2020 untuk fasa pertama dengan harapan siswa guru berupaya melakukan refleksi secara lebih analitikal dan kritikal.

## SOROTAN LITERATUR

Penulisan refleksi merupakan komponen penting dalam pembelajaran yang membolehkan sesuatu persoalan yang muncul dalam perspektif makna atau skema makna seseorang diambil untuk diberikan andaian dan tingkah laku. Dalam Islam penulisan refleksi bermaksud takaffur atau muhasabah diri secara bertulis dan sangat dianjurkan dalam Islam. Penulisan refleksi ini merupakan suatu aktiviti kognitif yang memerlukan penglibatan aktif individu hasil daripada cetusan sesuatu pengalaman. Penulisan refleksi amat memberi kesan kepada individu dengan melibatkan penilaian tindak balas, kepercayaan dan dasar pemikiran untuk diintegrasikan antara pemahaman baru dengan pengalaman yang telah dilalui. Penulisan refleksi berperanan sebagai mengumpul, mengkategorikan, dan memunculkan pengalaman lepas untuk dinilai dan kemudiannya diubah suai berdasarkan pengalaman baru siswa guru. Namun, sebelum proses itu berlaku dengan lebih terancang, siswa guru yang melakukan refleksi memerlukan interaksi dengan pihak lain. Interaksi dengan pihak lain ini dikenali sebagai dialog.

Refleksi kritikal dan dialog memberi impak kepada pembelajaran transformatif yang disertakan dalam tabiat minda seseorang siswa guru (Mezirow, 2014). Justeru, refleksi kritikal berlaku dalam diri siswa guru yang dikenali sebagai proses monolog (*self talk*). Proses monolog bersifat terbatas kerana bergantung kepada sejauh dan sedalam mana sesuatu maklumat lepas dapat digali dan ditimbulkan semula. Hourani (2013) menjelaskan bahawa aktiviti-aktiviti yang melibatkan refleksi adalah usaha yang membawa proses penyusunan semula (*reframing*) dengan menganalisis permasalahan yang dihadapi daripada perspektif teoritikal. Lanjutan daripada itu, penulisan refleksi merangsang siswa guru menyelesaikan masalah dalam pembelajaran. Ini bermakna, penulisan refleksi dapat menyediakan peluang kepada siswa guru menghubungkan kait antara teori dan praktik untuk mengadaptasi pengalaman baru dalam penyelesaian masalah yang rasional.

Kebanyakan penyelidik pendidikan perguruan menyedari bahawa kekuatan kompetensi penulisan refleksi berupaya meningkatkan pembelajaran siswa guru dan memperbaiki kualiti profesionalisme mereka (Calderhead dan Gates, 1993 dalam Mezirow, 2014). Kompetensi ini perlu diterapkan kepada siswa guru kerana kunci dan elemen yang penting bagi mereka yang baru mula untuk mengenali dunia pengajaran (McKenzie, 2015). Pemikiran dan amalan refleksi merupakan suatu bentuk pemikiran yang sukar diterjemahkan secara eksplisit. Chang (2019) berpendapat bahawa penulisan refleksi berperanan sebagai bahan bukti kepada siswa guru menterjemahkan pemikirannya secara tersurat untuk diselaraskan dan seterusnya mengambil tindakan susulan. Impaknya, penulisan refleksi menjadikan siswa guru lebih kritis terhadap pengalaman atau masalah yang dihadapi dan mempertimbangkan segala kemungkinan yang akan berlaku. Kemudian, mereka berusaha mencari pelbagai alternatif bagi mengatasi situasi tersebut (Hourani, 2013). Refleksi akan bermula dengan bisikan hati yang fokus kepada penerokaan ‘domain affective’ (*emotional mind*), spiritual dan pemikiran individu dalam tindakannya mencari kebenaran sesuatu ilmu yang dipelajari.

Ini bermakna, penulisan refleksi amat berkesan melancarkan proses pemikiran dan amalan refleksi dilaksanakan. Penulisan refleksi menggambarkan manifestasi sesuatu pemikiran dan artifak yang mengungkap pemikiran. Impaknya, amat membantu proses pembelajaran dan membolehkan siswa guru integrasi pengetahuan yang baru dengan pengetahuan sedia ada. Salah satu alat yang boleh digunakan ke arah membantu penulisan refleksi yang berkesan ialah jurnal refleksi. Melalui penulisan refleksi, siswa guru meneliti pengalaman dan pembelajaran yang dilalui dalam pelbagai cara. Siswa guru boleh merekod perkembangan idea dan pendapat di dalam konteks tertentu termasuk teori, teknik, pendekatan dan falsafah yang digunakan di dalam situasi atau pembelajaran tersebut. Kemudian, siswa guru menggunakan penulisan refleksi yang didokumentasi untuk memperluas dan memperdalam kefahaman mereka sebagai asas pembelajaran dan pembinaan sendiri.

Dapatan kajian Shamsiah Md Nasir (2015), mendapati majoriti amalan penulisan refleksi siswa guru adalah pada tahap yang praktikal dan memberangsangkan. Ini menunjukkan bahawa amalan penulisan refleksi mereka telah dapat diperkembang melalui kursus yang mereka ikuti. Manakala, dapatan kajian Moon, (2013), membuktikan bahawa majoriti pemikiran reflektif siswa guru sains berjaya dijangka kepada tahap yang lebih kritikal setelah mendapat pendedahan kepada Model Pemikiran Refleksi. Justeru, peningkatan keterampilan dan nilai sendiri siswa guru sememangnya dapat dibangunkan apabila mereka diberi input ilmu pemikiran reflektif atau penulisan refleksi. Input ini berupaya menjana penglibatan aktif, mendorong kerjasama dan komunikasi, meningkatkan motivasi intrinsik, membudayakan kreativiti dan inovasi dalam belajar, menstruktur aktiviti belajar yang relevan dengan dunia nyata, dan menggunakan metakognisi secara optimum dalam kalangan siswa guru.

## **PENYATAAN MASALAH**

IPG bertanggungjawab menyediakan latihan keguruan yang berkualiti bagi memastikan guru yang dihasilkan profesional dan kompeten. Salah satu aset tambah ilmu dan nilai kepada siswa guru adalah dengan memberi kursus penulisan refleksi bagi meningkatkan kompetensi pemikiran dan amalan refleksi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan ini, penekanan latihan keguruan bukan sahaja berfokus kepada kefahaman psikologi kanak-kanak, dan kemahiran pengajaran tetapi kepada aspek keterampilan khasnya pemikiran refleksi, nilai dan amalan profesionalisme siswa guru. Ini kerana, siswa guru yang berkualiti dan bersedia melengkapkan diri dengan penulisan refleksi dapat menjana kompetensi global iaitu *Creative and critical Thinking, Cooperation, Collaboration, Communication, Character, dan Citizenship* demi merealisasikan transformasi pendidikan negara (Fullan, 2018).

Maka, kajian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada kursus pembangunan perguruan iaitu Penulisan Refleksi yang dilaksanakan membantu mempertingkatkan metakognitif siswa guru untuk

membuat refleksi dalam kehidupan dan kerjayanya kelak. Tujuan ini berkaitan dengan kewajaran menjadikan aspek keterampilan dan nilai sendiri siswa guru sebagai agenda penting dalam memartabatkan profesionalisme keguruan.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu:

- i. Meninjau sejauhmana penulisan refleksi dapat membantu siswa guru dalam kehidupan sebagai seorang pelajar.
- ii. Meninjau sejauhmana penulisan refleksi dapat membantu siswa guru menyelesaikan masalah.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan pernyataan masalah yang diutarakan, maka persoalan kajian bagi kajian ini adalah:

- i. Apakah kemahiran yang dipelajari dalam penulisan refleksi yang dapat membantu siswa guru dalam kehidupan mereka sebagai seorang pelajar?
- ii. Apakah amalan yang dipraktikkan oleh siswa guru dalam penulisan refleksi yang dapat membantu siswa guru menyelesaikan masalah?

### **KEPENTINGAN KAJIAN**

Hasil kajian ini boleh membantu IPG untuk merancang kursus dan bengkel penulisan refleksi atau pemikiran reflektif secara berkala sebagai nilai tambah kepada siswa guru agar mereka berketerampilan dan kompeten menjadi guru novis. Hasil kajian ini juga membantu para pensyarah mengubah corak pengajaran dan pembelajaran dalam bilik kuliah dengan mengaplikasikan secara *hands-on* dan *on going* tentang penulisan dan pemikiran refleksi yang sesuai dengan abad ke-21 bagi menyediakan siswa guru yang efisien apabila ditempatkan di sekolah-sekolah sebagai guru novis.

Seterusnya, kajian ini dapat membantu siswa guru IPG mengenal pasti kelemahan diri sepanjang proses pembelajaran mereka dan memperbaikinya bagi mempertingkatkan profesionalisme keguruan mereka. Kajian ini membantu siswa guru menjadi lebih berhemah dan berprinsip serta berupaya untuk melihat apa yang tersurat malah yang tersirat dalam situasi kehidupan dan pembelajaran mereka. Dapatan kajian ini juga menyediakan keberanian dan kekuatan intelektual kepada siswa guru untuk melakukan penambahbaikan sendiri sepanjang hayat.

### **METODOLOGI**

Menurut Creswell (2017), pendekatan kualitatif amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan temu bual, pemerhatian ke atas seorang individu atau unit, satu kelas, sekolah, peristiwa dan budaya. Kaedah *Consensual Qualitative Investigation* digunakan dalam kajian ini kerana bersesuaian dengan ciri-ciri penerokaan data yang diberikan oleh responden. Kaedah ini menekankan penggunaan beberapa penyelidik untuk mencapai persetujuan secara berkumpulan serta kaedah yang sistematik untuk membentuk kesimpulan yang dapat mewakili setiap penyertaan yang terlibat dalam setiap kes. Proses ini melibatkan

analisis data yang mendalam untuk memupuk pelbagai perspektif yang memberi makna terhadap data yang dikumpul.

Kajian ini dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama, pengkaji mengadakan bengkel penulisan refleksi kepada siswa guru. Tempoh bengkel penulisan refleksi adalah selama dua jam. Bengkel ini merangkumi topik 1) Definisi dan jenis-jenis refleksi, 2) Proses Refleksi, 3) Model-model Penulisan Refleksi, dan 4) Alat (*Tools*) refleksi. Dalam fasa pertama ini, pengkaji membimbing siswa guru menggunakan pelbagai Model Pemikiran Refleksi bagi membantu siswa guru melaksanakan amalan refleksi dan penulisan refleksi yang lebih teratur dan teliti. Manakala fasa kedua, pengkaji menemu bual siswa guru, setelah siswa guru melaksanakan penulisan refleksi dalam tugas yang diberi.

### **Temu Bual**

Pengumpulan data melibatkan temu bual separa berstruktur dengan siswa guru semester 2 IPGKIK yang mengikuti Bengkel Penulisan Refleksi pada 6 Mac 2020 oleh dua orang pengkaji. Temu bual kajian ini melibatkan 18 siswa guru yang dipilih secara rawak dari peserta yang menghadiri Bengkel Penulisan Refleksi tentang kepentingan amalan penulisan refleksi dalam kehidupan mereka sebagai pelajar dan bakal guru.

### **Instrumen Pengumpulan Data**

Instrumen kajian ini menggunakan protokol temu bual separa berstruktur yang dibina berdasarkan objektif kajian ini. Satu set protokol telah disediakan untuk mendapatkan maklumat. Instrumen temu bual separa berstruktur dibina untuk mendapatkan maklumat mengenai kepentingan amalan penulisan refleksi dalam kalangan siswa guru di Institut Pendidikan Guru. Kepentingan amalan penulisan refleksi dibahagikan kepada dua aspek iaitu kepentingan penulisan refleksi dalam 1) kehidupan siswa guru sebagai pelajar dan 2) dalam penyelesaian masalah.

### **Analisis Data**

*Consensual Qualitative Investigation* mengandaikan bahawa perspektif yang pelbagai dari pengkaji yang berbeza adalah lebih berkesan untuk memahami sesuatu keadaan atau fenomena berbanding dengan hanya satu perspektif daripada seorang pengkaji. Reka bentuk kajian seperti ini juga dapat meminimalkan *bias* yang mungkin wujud jika seorang pengkaji digunakan. Elemen utama yang harus diaplikasi ialah hormat-menghormati pengkaji, keseragaman penglibatan pengkaji dan sampel kajian, kuasa membuat keputusan dan kesimpulan kajian. Perancangan yang teliti dan sistematik telah dilaksanakan bagi memperoleh kesahan kajian dari aspek kaedah kajian serta perwakilan keputusan kajian terhadap sampel kajian.

Data telah dianalisis melalui tiga peringkat utama iaitu menghasilkan tema untuk mengkluster data, dan membina idea utama untuk membuat kesimpulan terhadap idea-idea utama yang diekspresi oleh responden. Akhir sekali adalah membuat analisis rentas (*cross-analysis*) ke atas data untuk membentuk kategori yang konsisten antara responden.

## **DAPATAN KAJIAN**

Analisis kajian ini menghasilkan tiga tema utama. Penetapan tema berlandaskan perbincangan pengkaji-pengkaji berdasarkan maklum balas daripada responden. Tema utama yang pertama ialah kesedaran guru dari penilaian sendiri terhadap diri mereka sendiri. Tema kedua adalah regulasi sendiri dan tema ketiga

ialah keterampilan dan nilai sendiri yang harus dipraktikkan oleh siswa guru dalam kehidupan seharian mereka sebagai seorang pelajar dan membantu mereka menyelesaikan masalah.

### Penilaian Kendiri

Daripada data, didapati kesemua siswa guru menyatakan bahawa penulisan refleksi dapat membantu mereka membuat penilaian sendiri terhadap diri mereka sendiri. Penilaian sendiri membolehkan siswa guru menilai kekuatan dan kelemahan yang ada pada diri mereka sepanjang proses pembelajaran. Kesedaran siswa guru membuat refleksi tentang kekuatan dan kelemahan sendiri dapat menolong mereka menguasai sesuatu kemahiran atau disiplin ilmu. Antara jawapan temu bual yang telah diberikan oleh responden adalah seperti berikut:

*“membantu saya mengetahui kelebihan dan kelemahan sendiri supaya saya dapat mengatasi kelemahan saya.....”*

Siswa guru 1

*“saya mampu mengetahui kelebihan dan kelemahan saya sendiri .....”*

Siswa guru 5

*“saya dapat mengetahui tentang kelebihan dan kelemahan saya dan ia merupakan pengalaman untuk saya menyempurnakan tugasan yang akan datang”*

Siswa guru 7

Seiring dengan penilaian sendiri, siswa guru sedar bahawa mereka harus menjana pemikiran yang lebih kreatif, analitik dan inovatif untuk menilai perkembangan diri. Mereka juga sedar penulisan refleksi membolehkan mereka lebih *self-directed* terhadap pencapaian mereka melalui penambahbaikan ke atas kelemahan mereka dalam sesuatu bidang.

*“membolehkan saya untuk berfikir secara analitik, kritis dan kreatif untuk meningkatkan kualiti kerja kursus saya .....”*

Siswa guru 3

*“penulisan refleksi dapat membantu saya untuk mendapat idea yang lebih kreatif dan kritis .....”*

Siswa guru 10

*“berfikir secara analitik tentang kekuatan dan kelemahan diri saya.....”*

Siswa guru 8

### Regulasi Kendiri

Regulasi sendiri adalah kebolehan seseorang mengurus emosi intrinsik, gerak hati dan sumber-sumber luaran yang boleh mempengaruhi emosi individu. Dapatan daripada temu bual kajian membuktikan siswa guru bersetuju bahawa penulisan refleksi membantu mereka dalam regulasi sendiri. Menurut siswa guru, penulisan refleksi mencetuskan motivasi intrinsik mereka untuk memperbaiki diri dalam proses pembelajaran terutamanya untuk menyiapkan kerja kursus. Siswa guru lebih kompeten untuk mengawal emosi mereka untuk menyelesaikan tugas dengan cemerlang. Antara jawapan yang diberi oleh responden adalah seperti berikut:

*“..... adalah sangat penting supaya dapat mengawal emosi sendiri dan berfikir secara reflektif sebelum bertindak”*

Siswa guru 2

*“refleksi yang dilakukan dapat membantu saya mengenal pasti masalah yang berlaku dan saya dapat menyelesaikannya dengan jaya .....”*

Siswa guru 9

Siswa guru berpendapat bahawa penulisan reflektif dapat memberi kesedaran kepada mereka supaya tidak mengulangi kesilapan. Mereka juga berpendapat bahawa mereka harus mengimbas kembali kesilapan dan kelemahan mereka, supaya lebih berfokus dalam pembelajaran dan dapat regulasi emosi mereka dalam menghadapi apa jua masalah.

*“melalui penulisan refleksi, saya dapat mengingatkan kembali proses-proses yang telah berlaku dari awal hingga akhir dalam sesuatu kejadian”*

Siswa guru 6

*“membantu saya mengimbas kembali apa yang dapat diperbaiki. Dengan ini, hati saya akan menjadi tenang dan lega.”*

Siswa guru 10

### **Pembentukan Keterampilan dan Nilai Kendiri**

Keterampilan bermaksud kecekapan yang tinggi dalam melaksanakan sesuatu perkara atau menyelesaikan masalah. Keterampilan juga merujuk kepada kemampuan guru menggunakan akal, idea, dan kreativiti dalam pembelajaran ataupun membuat sesuatu menjadi lebih bermakna. Selain daripada kecekapan, keterampilan juga melibatkan nilai-nilai sendiri seperti tanggungjawab, empati dan profesionalisme.

Dapatan menunjukkan responden bersetuju bahawa penulisan refleksi dapat membantu siswa guru membina keterampilan dan nilai-nilai sendiri seperti yang dinyatakan di atas. Mereka akan sentiasa aktif dalam memikirkan dan menganalisis masalah yang dihadapi secara kritikal dan analitikal, komited mencari jalan penyelesaian, sanggup mengorbankan masa bagi memastikan masalah yang dihadapi dapat diatasi dan terbuka menerima pandangan dari luar untuk penyelesaian masalah.

*“saya bersungguh-sungguh mencari jalan penyelesaian, mengorbankan banyak masa untuk mengatasi masalah yang dihadapi dan sentiasa menerima pandangan dari luar yang berpotensi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi .....”*

Siswa guru 4

*“..... menyelesaikan masalah saya dengan membuat penilaian keadaan saya dan membolehkan saya berfikir secara kritis dan analitikal atas kekurangan atau masalah saya supaya saya boleh mencari jalan mengatasinya”*

Siswa guru 10

Penulisan refleksi adalah proses meneutralkan kembali segala perasaan negatif yang menyelubungi pengalaman yang mereka lalui supaya satu perspektif baru dapat dihasilkan. Pengalaman tersebut berjaya mengubah behavior dan tindakan siswa guru. Ini juga merupakan tindakan yang berfokus dan berhati-hati, melakukan penilaian secara kritikal, dan melibatkan proses menyiasat serta mengenal pasti pengalaman yang telah mereka lalui. Semua ini terbentuk apabila kepercayaan, nilai sendiri, dan sikap terbentuk dalam habit minda (*minds habit*) hasil daripada pengalaman dan proses sosialisasi menerusi refleksi kritikal dan dialog. Refleksi kritikal dan dialog merupakan elemen utama dalam proses pembelajaran.

*“...memperkembang kekuatan saya, mengubah tingkah laku yang kurang baik serta mencari jalan penyelesaian ciri-ciri spiritual, moral, nilai dan estetika.”*

Siswa guru 6

*“sebagai contoh, apabila telah gagal dalam sesuatu pertandingan, kita tidak bolehlah menyalahkan ahli pasukan lain. Kita sepatutnya membuat refleksi sendiri apa kelemahan atau kesalahan yang telah kita lakukan sewaktu dalam pertandingan tersebut. Kita perlulah bertolak ansur antara satu sama lain supaya dapat mewujudkan suasana yang harmoni. “*

Siswa guru 3

Dapatan di atas membuktikan pendapat Dewey (1933 dalam Moon, 2013) bahawa penulisan refleksi adalah proses mengimbas kembali sesuatu peristiwa di dalam minda dan memberikan pertimbangan yang serius dan teliti terhadap peristiwa tersebut.

*“Active, persistent and careful consideration of any belief or supposed form of knowledge in the light of grounds that support it and further conclusions to which it tends”*

*(Dewey, 1933 dalam Moon, 2013)*

Secara tidak langsung, proses ini membangunkan keterampilan dan nilai sendiri kepada siswa guru seperti kerja sepasukan, berfikiran terbuka, komunikasi berhemah, mempunyai wawasan dan matlamat tersendiri, terbuka menerima kritikan, pandangan dan nasihat daripada rakan, dan mempunyai etika yang baik terhadap sesuatu perkara. Nilai-nilai ini merangkumi domain sikap keterbukaan, bertanggungjawab dan komitmen tinggi. Maka, tidak hairanlah kajian menunjukkan sikap, nilai dan kepercayaan siswa guru tentang pembelajaran dan dirinya amat mempengaruhi kehidupannya sebagai seorang pelajar dan berupaya bertindak secara rasional dalam menyelesaikan masalah.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan tiga tema utama daripada hasil dapatan kajian, jelas menunjukkan amalan penulisan refleksi banyak membantu siswa guru dalam kehidupan mereka sebagai pelajar dan seterusnya membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi secara kritis, kreatif, analitikal dan inovatif. Penulisan refleksi dapat membantu siswa guru membuat penilaian sendiri terhadap kekuatan dan kelemahan sendiri dalam menyelesaikan masalah. Siswa guru berpendapat bahawa dengan mengetahui kekuatan dan kelemahan diri, mereka akan lebih kompeten dalam pembelajaran termasuk menyiapkan kerja kursus. Siswa guru juga dapat menjadikan refleksi sebagai asas untuk menambah baik dan meningkatkan kualiti setiap tugas yang dilaksanakan secara berterusan. Impaknya, metakognitif siswa guru dan keupayaan celik akal mereka meningkat.

Seterusnya, penulisan refleksi meningkatkan regulasi sendiri siswa guru kerana mereka dapat mengawal emosi dan tingkah laku serta cekap bertindak setelah mengetahui kelemahan diri. Maka, siswa guru lebih komited dan lebih bermotivasi untuk membuat perubahan dan pembaharuan kepada proses pembelajaran. Siswa guru juga berpendapat bahawa amalan refleksi menggerakkan mereka menjangka hasil sesuatu tindakan dan membuat perancangan awal. Penulisan refleksi membolehkan siswa guru berfikir semula masalah yang dihadapi secara lebih berstruktur dan sistematik berdasarkan model-model pemikiran refleksi. Justeru, penulisan refleksi juga amat penting untuk siswa guru mengawal emosi sendiri dan mengimbas kembali pengalaman serta kesilapan yang berlaku semasa proses menyelesaikan tugas mereka. Ini melibatkan eksplorasi terhadap perasaan negatif dan positif yang dicetuskan oleh pengalaman, pegangan dan prinsip seseorang bagi mengambil sesuatu tindak balas (Mezirow, 2014). Usaha ini seterusnya membantu siswa guru integrasi pemahaman dan pengalaman untuk memilih suatu tindakan yang berkesan agar bermanfaat kepada dirinya dan orang lain.

Tambahan pula, penulisan refleksi adalah sangat penting menjana proses introspeksi, mencari alternatif cadangan dan tindakan untuk membaiki diri khususnya keterampilan dan nilai sendiri secara berterusan kepada siswa guru. Sesungguhnya, penulisan refleksi dapat membantu siswa guru menjana idea



baru, meramal kesan dan akibat serta melakukan sesuatu dengan sistematik. Penulisan refleksi dapat membina sikap keterbukaan siswa guru seperti menerima pandangan orang lain semasa proses membuat penilaian, bertanggungjawab dan komited melaksanakan tugas, dan rasional membuat keputusan. Ini akan mengubah tingkah laku siswa guru untuk lebih responsif, prihatin kerja sepasukan, sentiasa memperbaiki diri dan berupaya membuat keputusan yang bijaksana dan saksama dalam apa jua situasi yang melibatkan pembelajaran dan kehidupan mereka sebagai siswa guru. Secara tidak langsung, keterampilan dan nilai sendiri yang aktif, sentiasa berhati-hati dalam segala tindak tanduk, tidak mudah putus asa dan bosan dengan masalah yang dihadapi, berjiwa kental dan tabah lagi cekal serta tidak pernah kenal rasa jemu untuk mengatasi semua masalah dapat diimplementasikan dalam kehidupan mereka yang dikenali sebagai pembelajaran reflektif dan pengamal refleksi.

### RUMUSAN

Penulisan refleksi merupakan aktiviti metakognitif yang amat berkesan kepada kehidupan siswa guru sebagai pelajar. Ini melibatkan proses pemikiran yang aktif dalam keadaan sedar dan berfokus serta rasional. Ini kerana penulisan refleksi merupakan proses menukar pengalaman kepada pembelajaran dengan siswa guru mengintegrasikan kandungan kursus, pengetahuan sendiri dan pengalaman kehidupan dengan situasi pembelajaran. Penulisan refleksi adalah kunci dan elemen penting bagi guru novis mengharungi dunia pendidikan sebagai guru reflektif.

### RUJUKAN

- Chang, B. (2019). Reflection in learning. *Online learning*, 23(1), 95-110. doi: 10.24059/olj.v23il.147.
- Creswell, J.W. (2017). *Research design: qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. (5Ed). SAGE Publications Inc.
- Fullan, M. & Langworthy, M. (2018). *A rich seam: how new pedagogies find deep learning*. London: Pearson.
- Hourani, R.B. (2013). Pre-service teachers' reflection: Perception, preparedness and challenges. *Reflective Practice: International and Multidisciplinary Perspectives* 14(1), 12-30.
- McKenzie, L. (2015). Trainee teacher's experience of reflection. *Journal of Further and Higher Education* 39(5), 645-664.
- Mezirow, J. (2014). Transformative learning as discourse. *Journal of transformative education* 1(1): 58-63.
- Moon, J.A. (2013). Reflection in learning and professional development: *Theory and practice*. Routledge.
- Shamsiah Md Nasir. (2015). Pemikiran reflektif: meneroka amalan pemikiran siswa pendidik. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(2): 61-68.
- Schmidt, C., & Adkins, C. (2012). *Understanding, valuing, and teaching reflection in counselor education: a phenomenological inquiry*. 4wsw(1). 77-96.